

# PROJEK WAKAF MAHASISWA UNISSA: PELAJARI, IKUTI PROSES WAKAF BETUL



PARA mahasiswa Tahun 3, Program Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dan Sarjana Undang-Undang Syariah (BSL) ketika menjalankan aktiviti amal, iaitu Projek Wakaf (atas dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 3 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Syariah dan Undang-Undang menjalankan aktiviti amal, iaitu Projek Wakaf, yang dikendalikan oleh para mahasiswa Tahun 3, Program Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dan Sarjana Undang-Undang Syariah (BSL).

Empat kumpulan mahasiswa menyumbang beberapa barangan keperluan sebagai wakaf kepada masyarakat pilihan mereka.

Para mahasiswa didorong untuk menjalankan Projek Wakaf ini oleh pensyarah mereka, yang juga merupakan Dekan Fakulti Syariah

dan Undang-Undang, Dr. Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin.

Dalam satu kelas kuliahnya bersama para mahasiswa, beliau menekankan pentingnya wakaf, dan bukan sahaja ia merupakan tindakan muhibah, malah juga adalah perbuatan yang diberkati Allah Subhanahu Wata'ala. Wakaf bukan hanya akan menyenangkan masyarakat di dunia, tetapi ia juga akan meringankan urusan pemberi wakaf di akhirat.

Masing-masing dari empat kumpulan mahasiswa, kemudian mengambil inisiatif dalam mencari barangan wakaf yang sesuai untuk diberikan kepada komuniti pilihan mereka.

Dua kumpulan memilih untuk menyumbang kepada barisan hadapan COVID-19 untuk memberikan sokongan dan berterima kasih atas pengorbanan juga sumbangan mereka dalam menangani COVID-19.

Salah satu daripada dua kumpulan itu menyumbangkan 55 pasang pelindung muka dan 20 helai sejadah ke Hospital RIPAS, khususnya Wad-wad PICU, HDU 1, HDU 2 juga Surau pelbagai wad; dan barangan wakaf disampaikan, pada Jumaat, 22 Oktober 2021.

Satu lagi kumpulan menyumbangkan cerek elektronik dan *microwave* sebagai satu set, untuk Pusat Pengasingan Rimba,



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Pusat Pengasingan Ma'had Islam Brunei, Pusat Pengasingan Katok dan Home Quarantine Individual (Deployment Centre), di Sungai Kebun, dihantar ke setiap pusat, pada Sabtu, 30 Oktober 2021.

Dua kumpulan yang lain memilih untuk menyumbang kepada para Mahasiswa UNISSA, dengan masing-masing menyediakan mesin pencetak ke fasiliti pilihan mereka. Salah satu daripada dua kumpulan menyumbangkan mesin pencetak ke Tuckshop UNISSA, pada Sabtu, 30 Oktober 2021; dan kumpulan seterusnya berhasrat untuk menyumbang mesin pencetak ke Fakulti Syariah dan Undang-Undang. Kertas A4 dan beberapa kartrij dakwat isi

semula, termasuk dalam barangan wakaf ke UNISSA.

Projek Wakaf diakhiri dalam sebuah kuliah, pada Isnin, 1 November 2021, di mana para mahasiswa berkongsi pengalaman dan barangan wakaf mereka, di dalam pembentangan mereka.

Antara maklum balas mengenai projek ini, daripada para mahasiswa adalah, "Melalui Projek Wakaf ini kami telah mempelajari dan mengikuti dengan betul proses yang diperlukan bagi menjalani proses wakaf yang tidak pernah kami ketahui sebelumnya".

Ramai mahasiswa juga memberi komen, bahawa mereka berasa gembira dan bersyukur dengan peluang yang diberikan untuk menyertai tujuan baik projek ini.

## Sumbangan ringankan beban keluarga ahli alumni



PENYERAHAN sumbangan disampaikan oleh wakil alumni berkenaan, Awang Haji Aminuddin bin Haji Mohd. Ali kepada isteri Allahyarham Awang Haji Hanafiah bin Jekeria.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ihsan Alumni Middlesex Polytechnic (Enfield), United

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 3 November. - Bekas-bekas pelajar dari Alumni Middlesex Polytechnic (Enfield), United Kingdom, sekitar tahun 80-an, di negara ini, mempamerkan keprihatinan atas kehilangan seorang ahli mereka, iaitu Allahyarham Awang Haji Hanafiah bin Jekeria, yang kembali ke rahmatullah, pada 23 Oktober lalu.

Dalam sama-sama mengurangkan beban kepada

keluarga Allahyarham, para ahli alumni mengemukakan sumbangan dengan mengumpulkan wang derma sebanyak BND970, yang diserahkan hari ini.

Penyerahan tersebut disampaikan oleh wakil alumni berkenaan, Awang Haji Aminuddin bin Haji Mohd. Ali dan diserahkan kepada isteri Allahyarham, berlangsung di hadapan ruang legar, salah sebuah bank, di Serusop, di sini.

Adanya sumbangan tersebut,

sedikit sebanyak mampu meringankan beban ahli keluarga Allahyarham dalam meneruskan kehidupan mendatang.

Allahyarham, merupakan salah seorang pelajar, yang menuntut di universiti berkenaan, sekitar tahun 1982 dan menghembuskan nafas terakhir beliau, pada usia 64 tahun, di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Pemergian Allahyarham meninggalkan seorang balu dan lima orang anak. Semoga roh Allahyarham ditempatkan bersama para ahli syurga. Al-Fatihah.

## 586 komputer riba disumbangkan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 5 November. - Syarikat Brunei LNG Sdn. Bhd. telah menyerahkan 586 unit komputer riba untuk menyokong Kempen Sumbangan Peranti yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI).

Komputer-komputer riba berkenaan telah diserahkan oleh Pengurus Sumber Manusia dan Hubungan Luar Syarikat Brunei LNG Sdn. Bhd., Mizan Adiliah binti Haji Mohd. Deli kepada Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Mohammad Norilham bin Haji Jais selaku wakil Kementerian Pendidikan.

Kempen tersebut bertujuan untuk membantu pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian khusus bagi pelajar-pelajar yang memerlukan.

Turut hadir, Ketua Hubungan Luar Syarikat Brunei LNG Sdn. Bhd., Malai Ayla Surya binti Malai Haji Abdullah.



SUMBANGAN berkenaan diserahkan kepada Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Mohammad Norilham bin Haji Jais selaku wakil Kementerian Pendidikan.